

BIL 3 OGOS - DISEMBER 2011

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



1 SEPTEMBER 2011: PENGUATKUASAAN AKTA DAN PENSWASTAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL



CCTV EFFECTIVE IN
REDUCING CRIME RATE
Mukasurat 3

LARIAN JOM KITAR
SEMULA 2011
Mukasurat 21



Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Ahmad Hj. Kabit
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Muhamad Faiz Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sem. Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Jabatan Landskap Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan Dan Perolehan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5000

Faks : (603) 8891 5557

www.kpkt.gov.my

Tinta Pena Ketua Setiausaha

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakam rasa gembira dan bersyukur kerana kita telah berjaya menerbitkan Buletin KPKT Bilangan Ketiga bagi tahun 2011. Buletin ini memaparkan pelbagai peristiwa, program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan sepanjang tempoh 2011. Mengimbas sepintas lalu prestasi KPKT sepanjang tahun 2011, secara umum, kita juga tidak terkecuali daripada kesan perubahan persekitaran ekonomi global sepanjang tahun 2011.

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan KPKT telah berjaya melaksanakan beberapa kerajaan memberansangkan yang boleh dijadikan penanda aras untuk menempa kejayaan berterusan dalam aspek lain yang berkaitan. Dalam aspek pembetukan dasar dan halatuju, Kementerian telah berjaya melahirkan Dasar Perumahan Negara (DRN), Dasar Landskap Negara (DLN), Rancangan Fizikal Negara Ke-2, Program Bandar Selamat, Pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Penandatanganan Perjanjian Penswastaaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Penandatanganan Pengambilan alih Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus PBT, pelbagai inisiatif penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas telah diperkenalkan. Antaranya, pelancaran e-PBT, OSC Online, khususnya untuk sepuluh PBT perintis, menyediakan kemudahan tempat berniaga kepada peniaga kecil dalam kawasan PBT, menyalur peruntukan pembangunan infrastruktur mengikut jadual dan sebagainya. Disamping itu, bagi membela nasib golongan rakyat berpendapatan rendah, kita juga telah berjaya menyediakan kemudahan tempat tinggal melalui pelaksanaan dua Projek Perumahan Rakyat (PPR). Dalam usaha membela nasib pembeli rumah yang menghadapi masalah projek perumahan terbengkalai, kita berjaya menyelesaikan sebanyak 33 projek perumahan terbengkalai.

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan menyedari harapan pelanggan yang semakin kompleks, KPKT telah melakukan anjakan penambahbaikan sistem dan proses kerja. Dalam hubungan ini beberapa kejayaan yang membanggakan telah dihasilkan. Bukti keberhasilan tersebut dapat dilihat daripada pengiktirafan oleh Badan Penarafan Kerajaan khususnya dalam aspek seperti berikut. KPKT telah mengekalkan rekod Kementerian bertaraf lima bintang melalui penilaian Star Rating oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU); Lima Bintang Laman Web KPKT Tempat Pertama di Malaysia Government Portals and Website Assessment 2010' oleh MDeC dan MAMPU; Lima Bintang Laman Web Jabatan Kerajaan Tempatan dalam penilaian yang sama; Anugerah Kecemerlangan 4 Bintang (Tempat Pertama) Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara; 50th EAROPH Golden Jubilee Award; Anugerah SPP II Champion oleh Unit Penyelarasan, ICU, Jabatan Perdana Menteri; Anugerah Pelaksanaan ePerolehan sempena Anugerah Aspresiasi 10 tahun ePerolehan; Anugerah MSC Malaysia – Anugerah Laman Web Terbaik bagi Transaksi ePerolehan dan Pensijilan MS ISO 9001:2008 oleh AJA EQS (M) Sdn Bhd.

Walaupun pelbagai catatan yang menggalakkan hasil daripada inisiatif pembaharuan tersebut, namun kita perlu menyedari bahawa masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan. Perubahan persekitaran, persaingan global, harapan pelanggan dan rakyat yang semakin kompleks menunjukkan bahawa kita perlu melipatgandakan usaha untuk mencapai kejayaan melangkaui jangkaan mereka.

Amalan sistem penarafan global yang digunakan untuk mengukur daya saing sesebuah negara berasaskan Global Competitiveness Report (GCR) dan Ease of Doing Business oleh Bank Dunia, serta World Competitiveness Yearbook (WCY) oleh The Institute for Management Development (IMD) membuat kita tiada pilihan lain bahkan menggandakan inisiatif untuk meningkatkan kedudukan ranking Nagara di peringkat global.

Kita juga perlu mengambilkira aspirasi Kerajaan yang mengutamakan rakyat dan memperkenalkan pelbagai program pembaharuan mulai tahun 2009. GTP, yang antara lain, bertujuan meningkatkan sistem penyampaian telah memberi fokus kepada enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Kerajaan juga telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan dua belas Bidang Utama Aktiviti Ekonomi (NKEA) bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi domestik melalui perynteraan cergas sektor swasta.

Justeru, untuk menyahut cabaran-cabaran di atas, KPKT beriltizam untuk menjadi penggerak berkesan, melalui pendekatan strategik dan halatuju terfokus. Aspirasi ini boleh direliaksikan melalui perubahan sikap, minda dan komitmen kita untuk menghasilkan peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara berterusan bersempena kita melangkah keambang tahun 2012.

SELAMAT MAJU JAYA

Datuk Ahmad Haji Kabit

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Installation of CCTVs in phase two under the Safe City Programme (SCP) – a responsibility of the Housing and Local Government Ministry (KPKT) and its Federal Department of Town and Country Planning – is expected to commence in February 2012 and take a year to complete.

Currently, the draft tender documents for the CCTV phase two project are 75 per cent completed. Improvements to the conditions in the contract and technical specifications have also been made based on the experience from the first phase of the project. Advertisements for the tender for phase two of the project are expected to be out later this month. The scope of the entire project is to install a total of 496 units of rented CCTVs in 25 local authorities by 2013, said KPKT Minister Datuk Wira Chor Chee Heung.

The devices will be installed in Penang island and Seberang Prai; Kulim, Kedah; Taiping, Kuala Kangsar and Teluk Intan, Perak; Alor Gajah and Hang Tuah Jaya, Malacca; and Batu Pahat, Kluang, Pasir Gudang, Muar, Kulai and Johor Baru Tengah, Johor. The others will be set up in Temerloh and Bentong, Pahang; Kemaman and Dungun, Terengganu; Kota Kinabalu, Tawau and Sandakan, Sabah; and Kuching Selatan, Kuching Utara, Miri and Sibul, Sarawak. Of the 496 units of CCTVs, a total of 108 would have been installed in Johor when the CCTV phase two project is completed by 2013, 84 in Sarawak, 64 in Sabah, 60 in Perak, 52 in Penang, 44 in Malacca, 32 each in Pahang and Terengganu, and 20 in Kedah.

The installation period for the CCTVs is expected to take 12 months and the rental period will be 60 months. Chor said the CCTV project is not one of the NKRA (national key result areas) initiatives to reduce crime. It is an initiative of KPKT to expand the CCTV service to more local authorities across the country to reduce the risk of crime nationwide. "I feel the statement by Penang Chief Minister Lim Guan Eng that Johor's crime rate is very high and that investors are not attracted to the state is not accurate. "This is because after KPKT introduced the SCP and took steps to reduce street crime such as installing CCTVs, separating pedestrian walkways from motor vehicle lanes with bollards, rails or hedges,

and installing better street lighting in secluded areas, both the overall crime rate and street crime rate were reduced. "We found the crime rate has dropped not only in Johor but in Penang as well." (The security issue in Johor became a hot topic after Lim allegedly made a remark that the state was crime-infested and not safe, especially for Singaporeans.) Chor added: "Although installing CCTVs in crimeprone areas is a responsibility of KPKT, we'd like to thank the police and the army which redeployed its personnel to fight street crime, as well as the city councils because fighting crime is an integrated effort. "All of us want to see a further reduction in the crime index."



Under the national crime prevention plan, the internet-linked Safe City Monitoring System (SCMS) introduced by KPKT integrates the operations of the local government, police and city councils.

With the exchange of information between these parties, the police can respond immediately via the Police Reporting System and identify the location of the crime with the help of the respective local council. Currently being used in 42 police stations in crimeprone areas in 12 local councils nationwide, SCMS also assists the police and local councils in determining the crime hotspots to be monitored. CCTVs are used to monitor these areas.

For this year alone, the government has allocated RM72 million for 151 local councils under the SCP which is being implemented in 12 crime hotspots. It involves the local councils in Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Ampang Jaya, Klang and Selayang in Selangor; Johor Baru, Johor Baru Tengah and Pasir Gudang in Johor; as well as Penang and Seberang Prai. "Before these steps were taken by the government, Penang was one of the states with a high crime rate. Today, we're seeing a reduction in crimes across the board," said Chor. "However, we just can't leave the effort to combat crime to the government alone. It is also a responsibility of the rakyat."

We're 19th Safest Nation

A survey by Sydney-based Institute for Economics and Peace finds Malaysia the most peaceful country in Southeast Asia, the fourth safest in Asia Pacific behind New Zealand, Japan and Australia, and the 19th safest and peaceful out of 153 countries in the world. These are rankings by the Global Peace Index 2011 (GPI 2011). The GPI placed Malaysia 37th in 2007, 38th in 2008, 26th in 2009 and 22nd in 2010.

GPI 2011 comprises 23 qualitative and quantitative indicators of respected sources that combined internal and external factors such as national level of military spending, relations with neighbouring countries and respect for human rights. The indicators were selected by an international panel of academics, business people, philanthropists and members of peace institutions from Mar 15, 2010 to Mar 15, 2011.



NATIONAL LANDSCAPE POLICY LAUNCHED

KPKT's operational guide intensifies efforts to attain "Malaysia Beautiful Garden Nation" by 2020

On 30th September 2011, the Housing and Local Government Ministry (KPKT) has unveiled the National Landscape Policy (NLP) with the target to provide a beautiful, comfortable and safe living environment as a prerequisite to improve the overall quality of life. The NLP will drive the country towards balanced and sustainable development and ensure national landscape resources and assets are managed wisely. Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin officiated the NLP launch at Taman Tasik Cempaka in Bandar Baru Bangi, Selangor.

The NLP is based on these seven thrusts: Inculcate appreciation for landscape; strengthen and improve quality of landscapes to achieve the "most beautiful garden nation" goal; create landscape development programmes to provide functional, sustainable green infrastructure; protect natural landscape as a national treasure; develop competent organizations and human resource for national landscape development; formulate and enforce landscape legislations and rules; and drive the national landscape industry. KPKT Minister Datuk Wira Chor Chee Heung said the government is aware of the importance of landscape in the country's development and in response the National Landscape Department (NLD) was set up in 1996 under KPKT with the responsibility of greening the nation and ensuring our landscape is at its best condition.

NLD has also been mandated to lead national efforts in attaining the target and the NLP is an operational guide to intensify such efforts to achieve Malaysia Beautiful Garden Nation by 2020 in line with the country's goal to become a developed economy by then. According to Chor, NLP's implementation will strengthen the government's aim to improve the national economy without neglecting the need to protect Malaysia's natural environment resources through preserving the biodiversity of flora and fauna as well as the visual beauty and natural background that form the core of the nation's uniqueness.

The implementation process is also expected to address issues of climate change. This is in keeping with Malaysia's commitment to conserving natural resources as made known clearly in the Langkawi Declaration in 1989, Rio de Janeiro Summit in 1992 and the United Nations Framework Conference on Climate Change in 2009. The NLP focuses on socio-cultural, environmental and economic aspects in achieving sustainable development based on the ecosystem management approach relevant to the times, locality and global challenges. From the socio-cultural aspect, Chor said the NLD, among others, serves to create a conducive social environment via eco-friendly public facilities where the use and preservation of natural resources can be balanced to improve landscape diversity, thus enhancing productivity, health and quality of life.

From the environmental side of things, the NLD protects natural resources, landscape assets and natural heritage that are unique,

Berita Korporat



which in turn can be promoted as eco-tourism attractions. And economically, the NLD aims to actualise a landscape development that will ensure the establishment of living environments that balance and complement the rapid growth of economic sectors such as housing, industry, agriculture and public facilities. For example, the development of a viable landscape industry, the generation of landscape potentials for the tourism sector, and to increase landscape research and development activities to support competitive landscape development. "Hence, the quality of the living environment and socio-economic standards in Malaysia can be protected and alleviated," he added.

In essence, the minister summed up: The NLP is formulated to realise the country's strategy to achieve Vision 2020 through driving it towards a higher income economy by providing a conducive living environment with its own identity to attract domestic and foreign investments; by ensuring holistic, sustainable development via effective landscape planning, development and management; and by focusing on the rakyat's wellbeing by providing adequate landscape spaces for recreation and social interaction among our multicultural society.

SEMINAR PERUMAHAN KEBANGSAAN 2011



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KONSESI DAN TRIPATITE



YAB Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Muhyiddin Bin Mohd Yasin telah sudi hadir dan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada 19 September 2011 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Perjanjian Konsesi ini melibatkan syarikat-syarikat konsesi bagi penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam iaitu Alam Flora Sdn. Bhd (bagi WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan), SWM Environment Sdn. Bhd. (bagi negeri Johor, Melaka & Negeri Sembilan) dan Environment Idaman Sdn. Bhd. (bagi negeri Kedah dan Perlis) dengan Kerajaan Persekutuan yang diwakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

Dengan termeterai perjanjian konsesi ini, syarikat-syarikat konsesi akan menerima bayaran perkhidmatan yang setimpal dengan mutu perkhidmatan yang diberikan. Perjanjian ini juga akan memberikan kemudahan dan faedah yang bukan sedikit kepada orang ramai apabila pemberian tong sisa pepejal beroda dan berpenutup dengan kapasiti 120 liter akan diberikan secara percuma kepada rumah-rumah kediaman (landed premis) secara berperingkat dan pendekatan kutipan 2 + 1 iaitu kutipan sisa dapur sebanyak dua (2) kali dan kutipan pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula sekali seminggu akan diperkenalkan.

Melalui pendekatan ini, aktiviti pembuangan haram akan dapat dikurangkan. Perjanjian Konsesi selama 22 tahun ini merupakan tempoh yang mencabar kepada syarikat-

syarikat konsesi kerana mereka perlu mematuhi Key Performance Indicators (KPI) yang ketat di samping penalti yang tertinggi seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Konsesi. Penswastan dan penguatkuasan Akta 672 akan menjadikan pengurusan sisa pepejal lebih berkesan dan cekap bagi memastikan Malaysia mempunyai alam sekitar yang bersih, sihat, selamat dan melindungi kesihatan awam.

Dalam majlis yang sama, turut menyaksikan penyerahan Perjanjian Tripartite oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang telah diadakan pada sebelah paginya. Turut sama pada majlis tersebut ialah YB Menteri Datuk Seri Chor Chee Heung, YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin dan YBhg. Datuk Ahmad bin Haji Kabit.



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (HBA) telah menganjurkan Seminar Perumahan Kebangsaan dengan tema "Program Kesedaran Perumahan 2011". Seminar tersebut diadakan pada 13 November 2011 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penyertaan adalah percuma kepada orang ramai untuk menyertainya.

Objektif seminar adalah untuk memberikan pendidikan dan kesedaran kepada orang awam tentang hak-hak mereka sebagai pembeli rumah seperti yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]. Penceramah-penceramah yang terdiri daripada KPKT, REHDA dan HBA akan membentangkan kertas kerja yang menyentuh pelbagai aspek antaranya bidang kuasa dan tugas KPKT, isu penting dalam Surat Perjanjian Jual dan Beli (S&P) dan fungsi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR).

Penceramah-penceramah dari KPKT, REHDA dan HBA telah membentangkan kertas kerja yang menyentuh pelbagai aspek antaranya bidang kuasa dan tugas KPKT, isu penting dalam surat perjanjian jual & beli (S&P) dan fungsi Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) sekiranya rumah yang dibeli menghadapi masalah. Sebagai contoh, masih ramai pembeli rumah tidak peka mengenai hak-hak mereka sebagai pembeli rumah dan bagaimanakah untuk menggunakannya; sebagai contoh apa perkara yang patut mereka lakukan apabila rumah yang dibeli mengalami kerosakan atau kelewatan. Kebanyakan kes rumah-rumah terbelengkalai tanpa lesen pula menunjukkan bahawa pembeli rumah tidak memahami kandungan S&P dan hanya



menurunkan tandatangan dan menyerahkan semua urusan seterusnya kepada peguam sahaja.

Seminar Perumahan ini juga dirancang diadakan mengikut zon bermula tahun hadapan sebagai usaha berterusan Kerajaan khususnya dalam mendidik pembeli agar memahami hak-hak mereka dan membendung masalah berkaitan perumahan. Oleh itu, diharapkan program seumpama ini akan dapat memberikan input dan panduan yang berguna kepada bakal pembeli rumah atau pembeli rumah dan seterusnya membantu mengurangkan risiko mereka menjadi mangsa rumah bermasalah atau rumah terbelengkalai.

Bersempena dengan seminar tersebut, acara "First Time HOUSE BUYER Expo 2011 dan Renovation Expo 2011 (REX-11)" juga turut diadakan. Pameran tersebut berlangsung di Hall 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 11 November hingga 13 November 2011.

Jabatan Perumahan Negara (JPN) mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan seminara dan pameran pada kali ini.

Tajuk-tajuk kertas kerja yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 - Roles and Responsibilities of Ministry of Housing and Local Government (MHLG) in Housing Industry; dan
 - Scope, Functions and Jurisdiction of the Tribunal for Homebuyers' Claims.
- Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA)
 - Traits of a Responsible Developer.
- Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA)
 - Understanding the sales & purchase agreement (SPA) : The salient points oleh Viola DeCruz LLB (Hons) Lon, Barrister-at-Law (Inner Temple) Advocate & Solicitor;
 - Investment in knowledge pays the best interest oleh Chang Kim Loong AMN (Hon. Sec-Gen, HBA); dan
 - Knowing what you are buying: Things may not be as they seem oleh Tan Cheng Siong LLB (Hons), Barrister-at-Law, Diploma in Syariah Law, Advocate & Solicitor.



Pertandingan Analisis Sekolah Menengah Seluruh Negara

Tarikh : 3 Oktober 2011

Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang

Tempat : Dewan 6, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya

Penglibatan pelajar sekolah juga turut ditekankan dalam program Hari Habitat Sedunia kerana mereka ialah golongan pelapis untuk mentadbir negara pada masa hadapan. Pendedahan awal mengenai isu semasa dari bangku sekolah akan menjadikan golongan pelajar lebih bersedia dan dinamik dalam menghadapi apa saja cabaran. Bagi tujuan ini, KPKT telah menganjurkan Pertandingan Analisis Sekolah Menengah Seluruh Negara iaitu satu pertandingan di mana para peserta (pelajar) diberikan satu situasi atau masalah di masa hadapan dan mereka diminta menggunakan pemikiran kritikal untuk mencari jalan penyelesaian. Seterusnya, jalan penyelesaian dibentangkan dalam bentuk multimedia kepada panel hakim di peringkat akhir. Sejumlah 204 penyertaan diterima bagi pertandingan ini.

Habitat Moment 1Malaysia & Demonstrasi Takakura

Tarikh : 18 – 19 September 2011

Masa : 7.30 pagi

Tempat : Semua sekolah menengah diseluruh Malaysia

KPKT menganjurkan Program Habitat Moment 1Malaysia, sebuah program di mana wakil pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia akan membacakan perutusan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai petempatan manusia dan alam sekitar, semasa perhimpunan mingguan sekolah. Satu demonstrasi mengenai kaedah pengkomposan sisa organik menggunakan Teknik Takakura turut diadakan selepas Program Habitat Moment 1Malaysia secara serentak di sebuah sekolah terpilih di setiap negeri seluruh Semenanjung Malaysia. Seramai 50 orang pelajar dan guru akan terlibat dalam demostrasi selama 30 minit tersebut.



HARI HABITAT SEDUNIA 2011

United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT) adalah satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di Nairobi, Kenya, sejak tahun 1978. Ia merupakan badan dan 'think-tank' yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan program peningkatan kualiti petempatan manusia di peringkat global ke arah lebih sihat, selamat dan mampan.

Pada tahun 1985, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melantik KPKT sebagai National Focal Point untuk menyelaras semua aktiviti UN-HABITAT di Malaysia. Ini termasuk menghadiri mesyuarat berkala, persidangan dan menyelaraskan sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun. Bahagian Korporat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertindak sebagai penyelaras dan memastikan peranan KPKT sebagai National Focal Point UN-HABITAT dilaksanakan dengan sempurna, termasuklah menganjurkan Sambutan Hari Habitat Sedunia (SHHS) peringkat kebangsaan setiap tahun. Bagi tahun 2011, antara program yang dianjurkan oleh KPKT adalah seperti berikut :

Projek Perdana - Projek House Build 2011 (CSR);

- Sesi Perbincangan Meja Bulat "Cities and Climate Change" dengan kerjasama Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement (EAROPH);
- Pertandingan Analisis Sekolah Menengah Seluruh Negara;
- Program Habitat Moment 1Malaysia;
- Demonstrasi Pengkomposan Sisa Organik Teknik Takakura dengan kerjasama PPSPPA seluruh negara;
- Penerbitan Habitat Magazine; dan
- Majlis Perasmian Sambutan Hari Habitat Sedunia 2011.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Habitat Sedunia 2011 telah diadakan pada 3 Oktober 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dihadiri oleh 500 jemputan khas di kalangan Perwakilan

Asing yang beribu pejabat di Malaysia, pelajar sekolah, wakil syarikat swasta, NGO, IPTA, PBT, golongan OKU dan semua pihak serta agensi yang terlibat secara langsung dalam program SHHS 2011.

Ia dimulakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada semua syarikat yang memberi sumbangan dalam Projek House Build 2011 (CSR), penyampaian resolusi Sesi Perbincangan Meja Bulat oleh EAROPH kepada YB Menteri dan penyampaian hadiah kepada semua pemenang pertandingan. Majlis diteruskan dengan gimik pelancaran yang turut melibatkan wakil dari Kemboja, Kenya, Singapura dan Sri Lanka, pelajar sekolah dan golongan OKU.



Roundtable Discussion "Cities And Climate Change"

Tarikh : 29 September 2011

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Tempat : Dewan 6, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya

KPKT dengan kerjasama Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlement (EAROPH) menganjurkan Sesi Perbincangan Meja Bulat "Cities and Climate Change" Sesi yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung ini bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada peserta mengenai isu petempatan manusia dan perubahan iklim, mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi oleh Malaysia serta membincangkan langkah mitigasi yang inovatif untuk mengurangkan kesan perubahan iklim di Malaysia.



PENYERAHAN TONG SAMPAH DAN PELANCARAN HOTLINE ADUANSISA

Pada 19 November 2011, telah berlangsung Majlis Penyerahan Tong Sampah Beroda 120 Liter Secara Percuma dan Pelancaran Hotline Aduansisa di Alor Setar, Kedah. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis yang dianjurkan bersama oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan syarikat konsesi, Environment Idaman telah dihadiri oleh seramai 1,000 penduduk sekitar Taman Lumba Kuda, Alor Setar yang juga merupakan kediaman YB Menteri KPKT.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), YBhg. Dato' Dr Nadzri bin Yahaya. Sempena dengan penguatkuasaan Akta 672 bermula pada 1 September, salah satu tanggungjawab utama yang perlu dilaksanakan oleh setiap syarikat konsesi adalah untuk membekalkan tong sampah kepada penduduk secara percuma. Sebanyak 48,000 unit tong sampah berkapasiti 120 liter dan 3,200 unit tong sampah berkapasiti 660 liter akan diedarkan secara berperingkat di Alor Setar, Kedah dan Kangar, Perlis.

Matlamat utama pengagihan tong ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada



penduduk bagi menguruskan sampah dengan lebih efisien dan seragam. Fasa pertama penyerahan telah melibatkan sebanyak 6,000 unit tong sampah berkapasiti 120 liter yang telah diedarkan kepada penduduk taman di sekitar Alor Setar. Proses pengedaran tong ini adalah berkonsepkan kepada kaedah hantar dan ambil, di mana penduduk hanya perlu menunggu di rumah dan petugas syarikat konsesi yang akan menghantar tong sampah tersebut ke pintu rumah.

Para penduduk yang telah dibekalkan dengan tong sampah ini, mereka telah diwajibkan untuk menyerahkan borang pendaftaran yang telah lengkap diisi, salinan kad pengenalan dan penyata cukai pintu serta bil utiliti semasa proses pendaftaran dan pengambilan tong. Majlis ini turut melancarkan talian bebas tol

iaitu 1-800-88-7472 yang boleh digunakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Talian aduan ini diwujudkan oleh Perbadanan untuk memastikan bahawa setiap aduan yang diterima akan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak syarikat konsesi supaya ia dapat memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Diharap dengan adanya inisiatif seperti ini, ia akan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik dan efisien serta dapat memelihara alam sekitar supaya lebih bersih, sihat dan selamat. Kerajaan berharap Perbadanan akan dapat mewujudkan satu transformasi di dalam sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih seragam, kos efektif, mesra alam dan diterima oleh masyarakat di Malaysia.

Inovasi



INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI

Sambutan Hari Inovasi KPKT 2011 bertemakan 1KPKT: Inovasi Pemangkin Transformasi telah diadakan pada 17 November 2011 di Dewan Kristal, Aras B1, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis sambutan Hari Inovasi ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pelbagai pertandingan telah diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Inovasi KPKT yang diadakan setiap tahun ini. Antara pertandingan-pertandingan tersebut adalah:

Anugerah Khas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (AKM)

Sesi penilaian bagi anugerah ini telah diadakan pada 9 November 2011 di Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 18, KPKT. Sebanyak 2 pencalonan telah diterima. 1 pencalonan diterima untuk Kategori Individu iaitu Encik Muhammad Fakri Zaki Abadi bin Ahmad Zairi manakala 1 pencalonan untuk Kategori Organisasi/Kumpulan iaitu Kumpulan Ignis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang. Sesi penilaian anugerah ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU KPKT. Berikut merupakan senarai pemenang bagi anugerah ini:

Kategori Organisasi/Kumpulan	
Kumpulan	Tajuk Projek
Ignis (JBPM Pulau Pinang)	Kelewatan Mengeluarkan Mayat Semasa Operasi

Kategori Individu	
Peserta	Pencapaian
Encik Muhammad Fakri Zaki Abadi bin Ahmad Zairi	Pembangunan, pengemaskinian dan penyelenggaraan Portal KPKT serta Penyediaan Khidmat Multimedia Kementerian

Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU)

Sesi penilaian bagi anugerah ini telah diadakan pada 8 November 2011 di Bilik Seminar, Aras 15, KPKT. Sebanyak 11 pencalonan telah diterima iaitu lima (5) kumpulan dari Kategori Teknikal manakala enam (6) kumpulan adalah dari Kategori Pengurusan. Berikut merupakan senarai pemenang bagi AIKSU :

Tempat	Nama Projek	Agensi
Kategori Teknikal		
Pertama	Kerjasama Strategik Pembangunan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (HQ)
Kedua	Kelewatan Memadam Kebakaran Di Kawasan Tanah Gambut	Kumpulan Klik One (Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Johor)
Kategori Pengurusan		
Pertama	Proses Kelulusan Pelan Bangunan (Baru)	Jabatan Kerajaan Tempatan
Kedua	Menjana Produktiviti Berkualiti Menerusi Pengurusan Dan Penyimpanan Rekod Kitar Semula Yang Efisien Melalui Sistem Bank Kitar Semula	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Pertandingan Pengucapan Awam (Bahasa Inggeris)

Pertandingan ini telah diadakan pada 27 Oktober 2011 di Dewan Kristal, KPKT. Seramai sembilan (9) peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Lima (5) peserta adalah dari kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala empat (4) orang peserta dari kumpulan Sokongan. Berikut merupakan senarai pemenang :

TEMPAT	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN
Pertama	Puan Nadia Aimi binti Ab. Wahab Bahagian Korporat KPKT	Puan Faradila Laili binti Jun Jabatan Perumahan Negara
Kedua	Puan Nurul Husna binti Assanah Jabatan Perumahan Negara	Puan Hanisah binti Umar Perbadanan Pengurusan Sisa Pepajal Negara
Ketiga	Puan Siti Nur Aqilah binti Rohaizad Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara	Puan Nor Azreen binti Sani Bahagian Sumber Manusia

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pertandingan ini telah diadakan pada 2-3 November 2011 di Dewan Kristal, KPKT. Konvensyen KIK ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Noriah binti Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Sebanyak 13 pencalonan telah diterima iaitu lapan (8) kumpulan dari Kategori Teknikal manakala lima (5) kumpulan adalah dari Kategori Pengurusan. Berikut merupakan senarai pemenang bagi Konvensyen KIK ini:

Tempat	Kumpulan	Tajuk Projek
Kategori Teknikal		
Pertama	Progresif Dedikasi (JBPM Port Dickson)	Papan Maklumat (PRODTEK)
Kedua	D'Namic (PPSPPA Terengganu)	E'Z CYCLE Amalan Kitar Semula Di Rumah Tidak Efektif
Ketiga	PEKA (JPBD Pahang)	Panel Board Pameran Berat dan Sukar Dipasang
Kategori Pengurusan		
Pertama	T.E.A.M (PPSPPA Johor)	Masalah Kawalselia dan Pemantauan Kerja-kerja Kutipan Sisa Pepejal Tidak Dapat Dilakukan Secara Menyeluruh



Lawatan



KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR PROVIDENCIA, REPUBLIK CHILE KE ATAS KETUA PENGARAH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

Tarikh : 27 Oktober 2011
Tempat : Jabatan Kerajaan Tempatan

JKT telah menerima satu kunjungan hormat dari TYT Christian Labbe, Datuk Bandar Providencia, Republik Chile. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi pendapat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kerajaan tempatan dan pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Satu sesi taklimat diadakan kepada lawatan kerja delegasi tersebut yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha(Dasar dan Pembangunan), KPKT.



LAWATAN KERJA DELEGASI MAJLIS PERBANDARAN NEGARA CHINA

Tarikh : 25 November 2011
Tempat : Jabatan Perumahan Negara

Seramai tujuh orang delegasi yang hadir semasa sesi lawatan kerja ke KPKT dan delegasi ini diketuai oleh Mr. Yang Xuefeng, Ketua Pengarah, Beijing Housing Provident Fund Management Center. Objektif utama lawatan delegasi ini ke KPKT ialah untuk mempelajari polisi perumahan, pembangunan projek perumahan kos rendah, polisi pembiayaan yang berkaitan serta polisi rumah mampu milik yang diamalkan di Malaysia.

Satu sesi taklimat diadakan kepada lawatan kerja delegasi tersebut yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohamad Yusoff bin Ghazali, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perumahan Negara. Pada sesi taklimat tersebut juga turut dihadiri Ir. Fong Tian Yong, Penasihat, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku penterjemah kepada delegasi tersebut.

LAWATAN PELAJAR DARI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Tarikh : 21 Oktober 2011
Tempat : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Pada 21 Oktober 2011 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah menerima lawatan daripada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang ingin mengenali Jabatan yang dilihat masih 'baru' dengan lebih dekat dan mendalam. Memahami fungsi serta peranan Jabatan serta menimba ilmu pengetahuan mengenai pengurusan sisa pepejal di negara kita adalah tujuan utama lawatan tersebut diadakan.Sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Yusri bin Yusof selaku Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dasar & Perancangan kepada para pelajar dalam usaha memberikan segala input yang dikehendaki. YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara serta En. Azizan bin Ariffin, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan turut meraikan lawatan para pelajar pada hari tersebut.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MANTAN PENERUSI COMMONWEALTH LOCAL GOVERNMENT FORUM (CLGF) KE ATAS YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tarikh : 27 Oktober 2011
Tempat : Bilik Tetamu YB Menteri

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerima satu kunjungan hormat dari mantan pengerusi CLGF, TYT Basil Morrison. Objektif utama kunjungan hormat tersebut adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di rantau Asia Pacific oleh CLGF dan membincangkan mengenai perancangan CLGF pada tahun 2015.



LAWATAN DELEGASI INDONESIA

Tarikh : 4 November 2011
Tempat : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah menerima kunjungan Delegasi Daripada Badan Perencanaan Dan Pembangunan Daerah (BAPPEDA), Kabupaten Empat Lawang, Propinsi Sumatera Selatan, Indonesia pada 4 November 2011.Kunjungan delegasi seramai 12 orang tersebut telah diraikan dalam majlis ringkas dan juga sesi taklimat yang telah disampaikan sendiri oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya. Dalam sesi taklimat itu, para delegasi telah diberikan input mengenai Jabatan serta pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia.



DELEGASI KPKT MENGHADIRI EAROPH 44th EXECUTIVE MEETING AND REGIONAL PLANNING CONFERENCE 2011

Dari 8 hingga 10 November 2011, Delegasi KPKT telah menyertai Mesyuarat Eksekutif dan persidangan Eastern Regional Organization for Planning and Human Settlements (EAROPH) yang berlangsung di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam anjuran bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Brunei, EAROPH dan International Federation for Housing and Planning (IFHP) yang beribu pejabat di Netherlands. Selari dengan tema persidangan tahun ini iaitu Managing Urban Growth: Challengers For Small Cities, persidangan ini bertujuan untuk mengupas mengenai isu pertumbuhan bandar baru serta pertambahan penduduk di bandar dalam konteks pembangunan mampan, ekonomi dan sosial. Persidangan ini juga turut disertai oleh pembentang kertas kerja dari negara Australia, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Jepun dan Indonesia yang berkongsi mengenai best practices dalam sektor perumahan dan urbanisasi negara masing-masing.

Seramai lima (5) orang delegasi dari KPKT yang telah menghadiri persidangan ini. Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak selaku Ketua Delegasi daripada KPKT telah diberi penghormatan bagi menyampaikan ucap tama bertajuk Housing: Planning and Implementation pada hari pertama persidangan tersebut. Manakala, Cik Rokibah bt. Abdul Latif, Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertajuk Managing Urban Growth: Challengers For Small Cities.

Secara amnya, persidangan seumpama ini memberi peluang pada KPKT dalam berkongsi pengalaman serta mempelajari amalan terbaik dari negara maju yang lain dalam usaha ke arah merealisasikan pembangunan mampan di negara ini. Selain itu, ianya merupakan penghormatan kepada Malaysia kerana telah diberi peluang bagi berkongsi idea melalui pembentangan kertas kerja berkaitan usaha negara ke arah menguruskan pertumbuhan bandar khususnya bandar-bandar kecil dengan peserta-peserta persidangan yang terdiri dari sektor awam dan swasta dari benua Asia dan Eropah.

LAWATAN RASMI YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan lawatan rasmi ke Republik Singapura pada 24 hingga 25 Oktober 2011. Salah satu lokasi lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ialah Tuas South Incinerator Plant (TSIP). Memandangkan bidang pengurusan sisa pepejal adalah dibawah bidang kuasa KPKT, maka YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dijemput bagi menyertai lawatan ini bersama-sama seorang pegawai dari Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pengurusan Sisa

Pepejal Negara (JPSPN) iaitu Encik Azahar bin Mohd.

Tujuan lawatan ke TSIP adalah untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran berhubung pengurusan sisa pepejal di antara Malaysia dan Singapura serta membina kerjasama dalam bidang strategik antara kedua-dua negara. Selain melawat TSIP, rombongan tersebut juga terlibat dalam kunjungan hormat serta lawatan ke Singapore Tourism Board dan Singapore Institute of Technical Education.



LAWATAN KE TAMAN-TAMAN AWAM DI SEKITAR KOTA KINABALU

Satu sesi lawatan ke taman-taman awam di sekitar Kota Kinabalu, Sabah telah diadakan pada 22 November 2011 Seramai 18 orang pegawai di Jabatan Landskap Negara telah terlibat dalam sesi lawatan ke taman-taman awam di sekitar kawasan Kota Kinabalu, Sabah. Tujuan utama lawatan tersebut ialah bagi meninjau dan menilai sejauh mana projek taman awam yang telah dibina oleh pihak Jabatan memberi impak kepada orang awam.



LAWATAN KE PASAR AWAM DAN PUSAT PENYEMBELIHAN

Pada 14,15 dan 16 November 2011 satu siri lawatan ke pasar awam dan pusat penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas telah dijalankan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan dan Johor Bahru. Lawatan tersebut telah melibatkan pegawai - pegawai dari Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan. Antara PBT yang dilawati adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Ketereh, Majlis Daerah Machang, dan Majlis Bandaraya Johor Bharu, Johor.

Lawatan kerja tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan yang lebih jelas mengenai status aktiviti penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas di kawasan PBT, mengenalpasti pusat penyembelihan di kawasan PBT dan mengenalpasti kaedah rawatan sistem pembuangan effluen hasil daripada aktiviti penyembelihan yang dijalankan.

Hasil daripada lawatan tersebut didapati bahawa tiada sebarang aktiviti penyembelihan dan pemprosesan ayam di dalam kawasan pasar dan

semua pusat penyembelihan adalah dimiliki oleh individu atau pihak swasta. Kebanyakan pusat penyembelihan ayam hanya memproses ayam dalam kuantiti yang agak kecil iaitu antara 80 hingga 200 ekor ayam sehari dan beroperasi di kawasan yang jauh dari pusat bandar. Sementara di kawasan MBBB didapati bahawa kilang pemprosesan ayam halal di kawasan tersebut telah beroperasi selama lebih kurang 6 bulan. Operasi pemprosesan di kilang tersebut adalah menggunakan kaedah moden yang terkini dan mendapat bimbingan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kilang pemprosesan tersebut telah mendapat taraf GMP dari pihak KKM dan pengiktirafan status halal dari pihak JAKIM. Kos pembinaan serta pembelian mesin serta peralatan pemprosesan menelan belanja sehingga RM 17 juta. Kilang pemprosesan ayam tersebut berkeupayaan memproses sehingga 80,000 ekor ayam sehari. Bagaimanapun, pada masa ini ia hanya memproses sekitar 15,000 ekor ayam sehari.

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2011

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2011 telah diadakan pada 15 November 2011 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur dengan tema *Sustainable Development : Green Urbanism*.

Tema Sambutan HPBS pada tahun ini bertepatan dengan agenda global dalam mencapai matlamat pembangunan mampan seiring dengan era teknologi hijau dan perubahan iklim yang merupakan keutamaan dan perhatian masyarakat dunia pada masa kini melalui usaha perbandaran hijau dalam konteks perancangan fizikal.

Majlis Perasmian HPBS 2011 serta Pelancaraan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang turut diadakan di majlis berkenaan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penghargaan Projek Inisiatif Hijau turut disampaikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam melaksanakan usaha-usaha mewujudkan perbandaran hijau yang mampan. Peghargaan tersebut telah disampaikan oleh YB Menteri KPKT kepada:

- i. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- ii. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- iii. Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- iv. Dewan Bandaraya Kuching Utara
- v. Majlis Bandaraya Miri
- vi. Majlis Bandaraya Alor Setar
- vii. Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- viii. Majlis Perbandaran Seberang Perai
- ix. Majlis Perbandaran Seremban
- x. Majlis Perbandaran Sungai Petani
- xi. Perbadanan Putrajaya (PPj)
- xii. Majlis Perbandaran Sibul

Anugerah Fellow Kehormat oleh Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) turut disampaikan oleh YB Menteri KPKT kepada Tan Sri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam bidang perancangan bandar.

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN PRIMA HIJAU, RAWANG, SELANGOR

Tanggal 26 September 2011, satu Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Terbengkalai Taman Prima Hijau, Rawang, Selangor yang dianjurkan oleh Jabatan Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan dengan jayanya. Majlis tersebut dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Projek Taman Prima Hijau telah diisytiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2006 yang melibatkan 54 unit rumah dengan 47 pembeli ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Trans Eco Development Sdn. Bhd. Dengan usaha dan kerjasama padu daripada semua pihak, projek ini akhirnya dapat dipulihkan dan disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) dalam tempoh 11 bulan.

Inisiatif untuk memulihkan projek ini adalah bukti kukuh keperhatinan dan komitmen Kerajaan, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, tanpa kerjasama dari semua pihak berkepentingan, usaha pemulihan ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Inisiatif ini memerlukan pengemblengan tenaga dan kerjasama semua agensi yang berkaitan, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan usaha pemulihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan seterusnya menjaga kepentingan para pembeli.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Penyerahan Kunci Pemulihan Projek Taman Prima Hijau.

telah diadakan pada 9 Oktober 2011 yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis penyerahan kunci ini yang dianjurkan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dilaksanakan sebagai tanda komitmen serta keprihatinan Kerajaan dan pihak pemaju pelikuidasi dalam usaha pemulihan projek perumahan yang telah terbengkalai selama beberapa tahun. Dengan pelaksanaan usaha ini, Kerajaan mengharapkan agar semua pembeli terlibat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik serta selesa di masa hadapan.

Projek La Cottage yang telah sekian lama terbengkalai sejak 31 Disember 2006 yang melibatkan 1,283 unit rumah dengan 755

MAJLIS PENYERAHAN PERUNTUKAN KHAS PROJEK PEMBANGUNAN BP1 KPKT KEPADA PBT SABAH DAN SARAWAK

Jabatan Kerajaan Tempatan telah menganjurkan Majlis Penyerahan Peruntukan Khas Projek Pembangunan BP1 KPKT Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah Dan Sarawak bertempat di Miri Marriot Resort & Spa, Miri, Sarawak pada 12 September 2011. Dalam majlis tersebut, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan peruntukan sebanyak RM300,000 kepada 50 PBT di kedua-dua negeri tersebut di mana jumlah keseluruhan bernilai RM15 juta.

pembeli bagi keseluruhan lima fasa iaitu Fasa 1C, 1D, 1E, 1F dan 1G ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd yang dilantik sebagai pelikuidasi. Bagi Fasa 1E yang melibatkan sebanyak 191 pembeli, ia telah diduduki dengan Sijil Layak Menduduki Sementara (TCF). Dengan usaha dan kerjasama padu daripada semua pihak, Fasa 1D yang melibatkan sebanyak 187 pembeli akhirnya dapat dipulihkan dan disiapkan dalam tempoh empat (4) bulan. Manakala bagi Fasa 1C dan Fasa 1F, peratus kemajuan masa kini telah mencapai sebanyak 75% dan dijangka akan siap pada Disember 2012. Bagi Fasa 1G pula akan dimulakan kerja pemulihan pada awal November ini dan dijangka disiapkan pada pertengahan Jun 2012. Langkah ini telah membolehkan para pembeli mendapatkan rumah yang telah dibeli itu dalam masa yang singkat.

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PROJEK PERUMAHAN LA COTTAGE, PUCHONG, SELANGOR

Selaras dengan gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, dimana dengan seruan YAB Perdana Menteri bahawa kesejahteraan rakyat akan dijadikan agenda utama Kerajaan. Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan La Cottage, Puchong, Selangor

DATA STATISTIK DALAM PROSES PEMBANGUNAN

Dalam tiga tahun terakhir ini, kita sama-sama merasakan semakin penting dan strategisnya data dan informasi statistik bagi kepentingan proses pembangunan. Data statistik sudah menjadi keperluan awam dalam erti kata yang luas, bukan saja untuk kepentingan pihak Kerajaan tetapi juga menjadi keperluan perundangan, perniagaan, usahawan, para pengamat, penganalisis dan masyarakat umum.

Data statistik bukan saja sekadar kemas informasi yang menjelaskan sesuatu hal, tetapi sudah menjadi instrumen bagi perumusan pembangunan yang lebih tepat dan menepati sasaran, serta instrumen evaluasi bagi keberhasilan pembangunan yang telah diukur. Data statistik juga telah menjadi alat untuk klarifikasi dan legitimasi bagi pelanggan keberhasilan bahkan memasuki ruang awam untuk diperdebatkan.

Secara umum pembangunan yang disokong dengan keupayaan pemamfaatan teknologi informasi dan pengembangan kualiti modal insan adalah terkait dengan usaha peningkatan kualiti data statistik ke arah yang lebih baik yang sememangnya telah menjadi 'core business' Kerajaan. Kesedaran untuk memantapkan data statistik sejajar dari perkembangan keperluan data yang semakin luas di peringkat nasional.

Statistik dan pembangunan, hubungannya sangat relevan. Melalui statistik kita dapat melihat keberhasilan pembangunan. Sehubungan dengan itu, para pengendali data statistik terkait dituntut untuk berkemampuan sebagai pelayan yang ramah dan murah senyum pada pelanggan yang sedang memerlukan data statistik. Maklumlah, pada saat sekarang ini para pelanggan data statistik sangat berharap ada layanan optimal dari penyedia data statistik. Peranan data dalam organisasi KPKT sangat banyak bermanfaat dalam pelbagai bidang kehidupan. Data statistik yang dihasilkan oleh KPKT merupakan rujukan dan panduan di dalam memformulasikan kebijaksanaan dalam perancangan pembangunan, baik di peringkat nasional mahupun di peringkat negeri dan wilayah. Keberhasilan himpunan data statistik KPKT yang semakin lengkap

dan makin dipercayai memungkinkan penggunaannya semakin meluas sebagai dasar perumusan perancangan dan pengambilan keputusan oleh Kerajaan.

Dalam statistik KPKT, mutu dan kelengkapan statistik telah meningkat. Hasil utama yang dapat dihipunkan sejak tahun 2008 adalah informasi tentang perkembangan profil dan karakteristik yang meliputi sektor perumahan, kebompaan dan penyelamat, pengurusan sisa pepejal, pembangunan

landskap dan program Kerajaan Tempatan. Dalam merangka meningkatkan mutu data statistik KPKT yang dihasilkan, liputan informasi diperluaskan dengan meliputi aspek perhubungan awam, pengurusan sumber manusia, kewangan, program perundangan, program pembangunan dan pelaksanaan projek.

Dinyatakan di sini penerbitan statistik KPKT yang telah diterbitkan mulai tahun 2008 adalah seperti berikut :

Bil.	Penerbitan	Tahun
1	Laporan Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Jun 2008
2	Laporan Perangkaan KPKT	2008
3	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 31 Mac 2009
4	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Jun 2009
5	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Sept 2009
6	Laporan Perangkaan KPKT	2009
7	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 31 Mac 2010
8	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Jun 2010
9	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Sept 2010
10	Laporan Perangkaan KPKT	2010
11	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 31 Mac 2011
12	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Jun 2011
13	Buletin Perangkaan Terpilih KPKT	Sehingga 30 Sept 2011

Laporan Perangkaan KPKT diterbitkan sekali dalam satu tahun dan Buletin Perangkaan Terpilih KPKT diterbitkan secara suku tahun. Kandungan data statistik merangkumi data terpilih dari Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penerbitan data statistik KPKT diedarkan kepada pihak pengurusan tertinggi KPKT, Kementerian /Jabatan dan agensi- agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, IPTA, Perpustakaan Negara dan Negeri.

Pihak yang boleh dihubungi bagi memperoleh penerbitan data dan statistik KPKT adalah seperti berikut:

Setiasusaha Bahagian Korporat
Bahagian Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 20, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-8891 5000
Laman web : www.kpkt.gov.my



Nurul Aini Ramly
Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Korporat KPKT

Association of Southeast Asian Nation atau ASEAN telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 selepas satu sidang kemuncak yang diadakan di Bangkok. Sidang yang telah dihadiri oleh pemimpin dari lima buah negara Asia Tenggara itu telah menghasilkan Deklarasi Bangkok, satu dokumen yang juga menjadi asas kepada pembentukan ASEAN. Pengisytiharan ASEAN pada masa itu telah dipersetujui dan ditandatangani oleh Tun Abdul Razak (Timbalan Perdana Menteri Malaysia), Tun Adam Malik (Menteri Luar Indonesia), S. Rajaratnam (Menteri Luar Singapura), Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand) dan N. Ramos (Setiasusaha Luar Filipina).

ASEAN dianggotai oleh 10 buah negara Asia Tenggara yang menyertainya secara berperingkat bermula dari tahun 1967 oleh negara pengasas ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand hingga tahun 1999 (Kemboja). Malaysia menyertai ASEAN bagi mengukuhkan hubungan erat dengan negara Indonesia yang pada masa itu di bawah pimpinan Presiden Suharto, di samping berazam untuk menyelesaikan perbezaan politik dengan Filipina dan Singapura. Penyelesaian terhadap pertikaian politik dan perbalahan serantau adalah menjadi motif utama kewujudan ASEAN.

Sejak penubuhannya, ASEAN telah berhadapan dengan pelbagai cabaran dari segi ekonomi, sosial, politik dan keselamatan. Sebagai contoh, dari segi ekonomi, sikap saling cemburu, persaingan bagi menarik pelabur asing dan persaingan mencari pasaran bahan mentah menyebabkan kuasa pembeli lebih 500 juta penduduk ASEAN diabaikan. Begitu juga dari segi politik dan keselamatan, negara ASEAN turut dilanda pelbagai isu yang melibatkan keselamatan serta kedaulatan negara seperti tuntutan bertindih terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan, tuntutan Filipina terhadap Sabah, Kepulauan Spratly dan isu pendatang asing tanpa izin yang semakin meruncing.

Namun yang demikian, kita dapat melihat bahawa semua pemimpin ASEAN bersedia ke meja rundingan dan mengenyepkan segala isu pertelingkahan demi mencapai objektif utama penubuhan ASEAN iaitu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan kemajuan budaya di rantau Asia Tenggara melalui kerjasama pelbagai hala dan memupuk keamanan dan kestabilan serantau.

Teras utama kejayaan politik ASEAN ialah meja rundingan dan tidak mengamalkan kekerasan bagi melaksanakan keadilan. Isu perebutan Pulau Batu Putih di antara Malaysia dan Singapura sebagai contoh, berakhir dengan baik kerana penyelesaiannya dibuat secara penuh diplomatik.

Sejak penubuhan ASEAN pada tahun 1967, terdapat pelbagai kerjasama serantau yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif penubuhan ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan, dan politik dan keselamatan.

ASEAN telah menjadi semakin matang dengan menjadikan amalam terbaik (best practices) dari negara lain dan rakan dialognya sebagai model yang boleh dicontohi bagi menambahbaik sistem sedia ada. Antara usaha baru yang diperkenalkan ialah :

- Wawasan 2020 ASEAN pada 1997;
- Penubuhan Komuniti ASEAN pada 2003; dan
- Piagam ASEAN pada 2007.

WAWASAN 2020 ASEAN

Wawasan 2020 ASEAN ialah satu pelan hala tuju bagi ASEAN menuju tahun 2020 yang terhasil sebagai pemangkin keutuhan dan kemajuan serantau. Para pemimpin ASEAN pada tahun 1997 telah sebulat suara bersetuju menggunakan Wawasan ASEAN 2020 untuk mewujudkan rantau ekonomi ASEAN yang mempunyai daya saing yang tinggi, maju dan stabil dengan memastikan kebebasan kemasukan barang-barang, perkhidmatan, pelaburan, modal dan pembangunan ekonomi serta mengurangkan kemiskinan.

PENUBUHAN KOMUNITI ASEAN

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 pada 7 Oktober 2003 di Bali, Indonesia, pemimpin ASEAN telah sebulat suara bersetuju untuk menerimapi Deklarasi ASEAN Concord II (Bali Concord II) mengenai penubuhan sepenuhnya Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Komuniti ini ditubuhkan untuk mewujudkan kesejahteraan, kestabilan dan pembangunan saksama serantau.

Namun, semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-12 di Cebu, Filipina pada 13 Januari 2007, pemimpin ASEAN telah memberikan sepenuh komitmen melalui Deklarasi Cebu untuk mempercepat penubuhan sepenuhnya Komuniti ASEAN kepada tahun 2015, iaitu lima tahun lebih awal dari tahun yang disasarkan terdahulu. Komuniti yang ditubuhkan ini terbahagi kepada tiga tonggak kerjasama utama seperti berikut :

- Komuniti Politik - Keselamatan ASEAN atau ASEAN Politic and Security Community (APSC);
- Komuniti Ekonomi ASEAN atau ASEAN Economic Community (AEC); dan
- Komuniti Sosio-Kebudayaan ASEAN atau ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC).

Bagi menjamin kelancaran pelaksanaan semua tonggak kerjasama ASEAN ini, penyediaan blueprint atau dokumen pelan tindakan bagi setiap tonggak telah dipersetujui oleh semua pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-13 pada 20 November 2007 di Singapura, yang mana turut menyaksikan

pemimpin ASEAN bersepakat dan menerima pakai Piagam ASEAN. Berikut adalah penerangan ringkas bagi setiap tonggak kerjasama ASEAN :

(I) Komuniti Politik - Keselamatan ASEAN (APSC)

Peranan APSC secara dasarnya telah dimainkan sejak empat dekad lalu melalui kerjasama yang sangat erat dalam memelihara kedaulatan serantau dari kuasa luar yang mengancam rantau ini. Ia telah dirangka dengan teliti berdasarkan aspirasi dan sasaran yang terkandung di dalam Wawasan ASEAN 2020 dan Piagam ASEAN.

(II) Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)

AEC ialah satu platform serantau bagi mengembangkan ekonomi negara ahli melalui kerjasama ekonomi yang agresif dan kompetitif mengikut kehendak semasa. Komuniti ini mewujudkan mekanisme bagi membantu pelaksanaan inisiatif ekonomi baru, mempercepatkan integrasi serantau di dalam sektor-sektor utama dan melancarkan pergerakan pakar serta professional antara negara.

Sebagai contoh, ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS) adalah satu mekanisme perdagangan antarabangsa yang melibatkan sektor perkhidmatan di kalangan negara ASEAN yang melibatkan integrasi serantau dalam pelbagai sektor. KPKT terlibat dalam rundingan AFAS melalui subsektor perancangan bandar dan landskap.

(III) Komuniti Sosio-Kebudayaan ASEAN (ASCC)

ASCC ialah satu platform penyatuan bagi semua rakyat dalam negara ASEAN melalui pembentukan kehidupan sosial serantau yang harmoni dan budaya mengambil berat di antara satu sama lain. ASCC akan merealisasikan aspirasi serantau dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui kerjasama yang menguntungkan semua pihak dan melalui pembangunan yang mampan.

PIAGAM ASEAN

Pada awal penubuhan ASEAN, ia tidak mempunyai satu perlembagaan yang tersendiri dan hanya bergantung kepada kandungan Deklarasi Bangkok. Namun, berdasarkan perkembangan pesat di dalam dan luar lingkungan ASEAN, para pemimpin ASEAN telah memutuskan untuk menggubal Piagam ASEAN yang berfungsi sebagai perlembagaan yang utuh dan menegaskan legal personality ASEAN. Piagam ASEAN telah ditandatangani oleh para pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-13 di Singapura pada bulan November 2007.

Aspirasi Wawasan 2020 ASEAN, Piagam ASEAN, Komuniti ASEAN dan pelan tindakan bagi ketiga-tiga tonggak kerjasama ASEAN yang telah digubal dan diterima pakai diharap dapat terus meningkatkan kecekapan dan memantapkan lagi kerjasama serantau ASEAN sedia ada dalam misinya untuk menjana pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan kebudayaan serta kestabilan dan keamanan serantau. Secara tidak langsung, ia akan menjadikan ASEAN lebih kukuh dan bersedia untuk bersaing di peringkat global pada masa hadapan tanpa mengira bentuk cabaran yang mendatang.

PROGRAM KESEDARAN KEPADA PEMBELI RUMAH

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) telah mengadakan beberapa aktiviti promosi untuk memberi kesedaran kepada pembeli rumah mengenai fungsi dan bidang kuasa TTPR. TTPR juga mengadakan pameran dan kaunter bergerak untuk memudahkan orang awam memfailkan tuntutan mereka. Selain itu, TTPR juga telah mengadakan perjumpaan dengan orang ramai bagi memberikan taklimat dan penerangan kepada mereka mengenai hak-hak mereka sebagai pembeli rumah. TTPR juga telah mengedarkan risalah TTPR di kawasan perumahan di mana milikan kosong lewat diserahkan atau terdapat kecacatan mutu kerja oleh pemaju.



Antara aktiviti promosi yang telah dijalankan sepanjang bulan September sehingga November 2011 adalah seperti berikut:

(a) Pada 1 Oktober 2011, TTPR Zon Selatan (TTPRZS) telah menjalankan aktiviti pemfailan secara berkelompok untuk kali keempat di Taman Sri Setanggi Johor Bahru susulan daripada surat aduan yang diterima daripada wakil penduduk. Program yang dimulakan pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang ini adalah program bersama dengan pihak pengurusan Taman Sri Setanggi dan TTPRZS dalam membantu masalah yang dihadapi oleh penduduk. Pada hari tersebut sebanyak 7 kes teknikal telah difailkan.

(b) Pegawai TTPR Ibu Pejabat telah memberi taklimat berkenaan bidang kuasa TTPR kepada penduduk Pangsapuri Kampung Nelayan Telok Gong, Klang pada 16 Oktober 2011. Dianggarkan seramai 20 orang penduduk hadir untuk mendengar taklimat tersebut. Lanjutan daripada taklimat tersebut, pada 12

November 2011 pihak TTPR sekali lagi telah hadir ke pangsapuri berkenaan untuk tujuan pemfailan kes secara berkelompok. Sebanyak 4 kes difailkan pada hari tersebut.

(c) Pada 20 Oktober 2011, TTPRZS juga telah mengadakan aktiviti pengedaran risalah TTPR ke kawasan-kawasan perumahan yang telah dikenal pasti masih dalam tempoh liabiliti kecacatan. Program edaran risalah dijalankan di Taman Melaka Perdana, Taman Saujana Jaya, dan Taman Pandan Indah berikutan tempat-tempat tersebut dikenal pasti melalui maklumat keluaran Sijil Layak Menduduki dengan kerjasama daripada pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

(d) Pada 21 Oktober 2011, program promosi oleh TTPRZS disambung di taman-taman perumahan sekitar Daerah Jasin, Melaka iaitu di Taman Tambak Paya Indah dan Taman Asia Selatan. Kawasan terbabit telah dapat dikenal pasti melalui maklumat yang diberikan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Jasin.

(e) Pada 29 Oktober 2011, pihak TTPR Zon Utara (TTPRZU) telah dijemput oleh wakil penduduk Taman Seri Naga, Kepala Batas Jitra, Kedah untuk memberi penerangan kepada pembeli rumah di taman tersebut berkenaan bidang kuasa TTPR. Sebanyak 6 tuntutan kelewatan serahan milikan kosong (LAD) telah difailkan dan diproses. Penduduk-

penduduk lain yang hadir telah mengambil borang tuntutan namun tidak memfailkan tuntutan kerana dokumen yang diperlukan masih tidak lengkap untuk didaftarkan.

(f) Pada 13 sehingga 15 November 2011, TTPR Zon Timur (TTPRZT) telah mengadakan aktiviti pengedaran risalah di Kelantan, daerah Machang, Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah, Jeli dan Pasir Mas. Kawasan-kawasan ini dikenal pasti hasil kerjasama Majlis Daerah yang berkenaan.

(g) "Renovation Expo 2011" dan Seminar Perumahan Kebangsaan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Real Estate & Housing Developers' Association (REHDA) dan National House Buyers Association (HBA) telah diadakan di Hall 1 (REX Hall of Fame) Putra World Trade Centre (PWTC) pada 11 hingga 13 November 2011. TTPR juga telah turut serta pada pameran tersebut. Seminar Perumahan Kebangsaan ini telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Datuk Seri Chor Chee Heung. Timbalan Pengerusi TTPR, Puan Jamhirah binti Ali telah memberi ceramah bertajuk "Scope, Functions and Jurisdiction of The Tribunal For Homebuyers' Claims (TTPR) pada 13 November 2011 untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai fungsi dan bidang kuasa TTPR.

Pada 19 hingga 21 Oktober 2011, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah menerima jemputan sebagai pempamer untuk Kempen Kesedaran Pengurangan Sisa yang telah dianjurkan oleh Canon Opto (M) Sdn. Bhd. Kempen tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna kilang terkemuka tersebut yang terletak di seksyen 26, Shah Alam.

Tujuan kempen diadakan adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya pengurangan serta pengurusan sisa yang betul demi kesejahteraan alam sekitar. Selain daripada itu, kempen kesedaran yang dianjurkan juga telah menjadi platform yang cukup baik untuk perkongsian ilmu dan maklumat mengenai pengurusan sisa pepejal.

Pihak Canon Opto juga telah menganjurkan mini lawatan kepada para pempamer untuk melihat sendiri bagaimana sisa yang terhasil dari kilang tersebut diproses dan diurus bagi meminimumkan jumlah sisa yang akan dilupus di tapak pelupusan.

KEMPEN KESEDARAN PENGURANGAN SISA



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK HOUSE BUILD 2011 DAN GOTONG-ROYONG DI KENINGAU, SABAH

Majlis Penyerahan Projek House Build 2011 telah dirasmikan oleh YBTM Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin. Majlis tersebut telah diadakan pada 21 November 2011 bertempat di Balai Raya, Kampung Labak Awas-Awas. Majlis tersebut dihadiri oleh penduduk Kampung Labak Awas-Awas berserta dua penerima Projek House Build 2011 iaitu Encik Ambrose bin Samih dan Encik Judah bin Obob.

Bersempena dengan program ini juga, dua buah rumah dari Daerah Keningau yang

terpilih untuk menerima bantuan Projek House Build 2011 telah siap dibaikpulih oleh sukarelawan dari Habitat for Humanity (HFH) pada bulan Oktober yang lalu. Sehubungan itu, satu majlis gotong-royong telah diadakan di sekitar Kampung Labak Awas-Awas terutamanya di perkarangan rumah salah seorang penerima bantuan Projek House Build 2011 iaitu Encik Ambrose bin Samih. Program ini melibatkan penyertaan 150 orang yang terdiri daripada penduduk Kampung Labak Awas-Awas dan kakitangan Majlis Daerah Keningau.

Berita Tempatan

BENGKEL PENGENALAN SPSS

Statistical Package For Social Sciences (SPSS) merupakan satu perisian komputer khas yang digunakan untuk prosesan dan analisis statistik. Ia merupakan salah satu perisian yang paling banyak digunakan untuk prosesan dan analisis statistik dalam ilmu sosial. Perisian ini digunakan oleh penyelidik pasaran, penyelidik kesihatan, syarikat tinjauan, kerajaan, penyelidik pendidikan, organisasi pemasaran dan lain-lain. Atas dasar kepentingan penggunaan perisian ini pada masa kini, Bahagian Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif bagi memperkenalkan perisian ini kepada penjawat KPKT.

Satu kaji selidik keperluan SPSS di kalangan penjawat KPKT telah dijalankan pada Mac 2011. Maklum balas yang diterima dari kaji selidik amat menggalakkan di mana kebanyakan penjawat KPKT berminat untuk mempelajari perisian SPSS.

Bertitik tolak dari hasil kaji selidik yang positif tersebut, Bahagian Korporat KPKT telah menganjurkan satu Bengkel Pengenalan



Kepada SPSS yang diadakan pada 28 hingga 30 September 2011. Sambutan yang diterima dari warga KPKT amat memberangsangkan, namun di atas faktor tempat yang terhad di Makmal Komputer, Fakulti Sains Universiti Malaya, hanya 31 orang peserta sahaja ditawarkan tempat bagi mengikut bengkel tersebut.

Bengkel tersebut dikendalikan dengan jayanya oleh Dr. Ramesh Rao a/l Rama Naidu yang merupakan pensyarah berpengalaman di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kebanyakan peserta bengkel berpuas hati dengan ilmu yang diperolehi memandangkan pensyarah tersebut menggunakan kaedah hands-on dalam pengajaran beliau. Para peserta begitu teruja bagi mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam menjalankan tugas-tugas harian di KPKT khususnya tugas berkaitan pemprosesan dan analisis statistik.



BENGKEL PENYELARASAN PENGGUBALAN AKTA PEMBANGUNAN LANDSKAP

Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Penggubalan Akta Pembangunan Landskap bertempat di Equatorial Bangi, Kajang pada 17 hingga 19 Ogos 2011. Matlamat utama bengkel ini dilaksanakan adalah untuk mengumpul dan menyelaras input bagi penyediaan Kertas Konsep Penggubalan Akta Pembangunan Landskap. Penggubalan Akta Pembangunan Landskap merupakan faktor penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Landskap Negara. Usaha untuk menggubal akta khusus berkaitan pembangunan landskap perlu disegerakan bagi memastikan pembangunan landskap yang seimbang, sistematik dan mampan dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang 2020. Para peserta bengkel terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Pensyarah IPTA, Perunding Arkitek Landskap, ILAM, Jabatan/Agensi Persekutuan dan Jabatan Landskap Negara.



KURSUS AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S) JLN

Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti (5S), Jabatan Landskap Negara (JLN) 2011 telah diadakan di Hotel Heritage Ipoh pada 4 hingga 7 Oktober 2011. Program Amalan Persekitaran Berkualiti atau 5S merupakan suatu usaha yang perlu dijalankan oleh semua peringkat warga di dalam sesebuah organisasi bagi mengamalkan tahap kebersihan, keselamatan dan susunatur yang sistematik. Tujuan utama mengadakan aktiviti 5S ini adalah untuk mendisiplin dan meningkatkan etika kerja pekerja dan seterusnya boleh diterjemahkan kepada peningkatan prestasi kerja, kualiti kerja dan tingkahlaku yang baik berhubung dengan kebersihan dan keselamatan. Aktiviti 5S juga dapat meningkatkan kerja berpasukan yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi yang berkenaan kearah meningkatkan kepuasan pelanggan.



BENGKEL MANUAL PENGURUSAN TAMAN

Bengkel Manual Pengurusan Taman Siri 1/2011 telah diadakan di Hotel Hydro, Penang pada 4 hingga 6 Julai 2011. Tujuan Bengkel diadakan ialah untuk mendapatkan satu kaedah mengenalpasti sumber ekonomi yang memberikan impak kepada kos yang terlibat didalam menguruskan sesuatu taman tersebut. Ianya melibatkan proses dari mula lagi bagi menentukan aktiviti yang dapat menjana hasil dan juga menyediakan belanjawan didalam menguruskan taman tersebut supaya menjadi taman yang "Self Sustain".



LARIAN JOM! KITAR SEMULA 2011

Larian Jom! Kitar Semula 2011 yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan berlangsung di Laman 1 Malaysia, Presint2, Putrajaya. Larian ini adalah sempena sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2011. Seramai 3894 (setakat 13 Disember 2011, 6.30 petang) orang awam telah menyertai larian yang telah dilepaskan oleh YB Menteri seawal pukul 7.30 pagi. Larian ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang awam untuk sentiasa mengamalkan budaya kitar semula dalam kehidupan seharian. Larian yang terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya, kategori murid sekolah, remaja, dewasa, veteran, dan fun run. Setiap pemenang menerima hadiah wang tunai mengikut kategori masing-masing, dan 500 peserta terawal mengikut kategori juga menerima medal kemenangan. Manakala setiap peserta yang mendaftar menyertai larian menerima t-shirt Larian Jom! Kitar Semula 2011, sijil penyertaan beserta beg kitar semula.



Kitar Semula



PROJEK PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU DI HANG TUAH JAYA, MELAKA

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah menganjurkan satu Projek Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu di Hang Tuah Jaya, Melaka. Projek ini dilaksanakan bertujuan menjadikan Hang Tuah Jaya, Melaka sebuah lokasi contoh pengurusan sisa pepejal yang bersepadu. Projek ini turut melibatkan kerjasama antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan Japan International Corporation Agency (JICA). Projek ini dijangka dilaksanakan berterusan mulai Julai 2011 sehingga Februari 2013. Seramai 15 orang telah terlibat bagi menjayakan projek ini termasuk lima orang wakil dari pihak JICA. Beberapa kumpulan telah mengikut kepakaran masing-masing di mana tiga kumpulan telah ditubuhkan dengan menjalankan program berasingan. Antara program yang dijalankan adalah kajian komposisi dan ciri-ciri sisa serta pengkomposan kaedah Takakura.

Selain itu, lawatan ke kilang atau pusat kitar semula dan depo konsesi Southern Waste Management Sdn. Bhd turut diadakan. Sepanjang berlangsungnya projek ini, beberapa program telah dilaksanakan seperti demonstrasi kaedah pengkomposan Takakura. Pegawai pelawat JICA telah dibawa melawat projek pengurusan sisa pepejal di Hang Tuah Jaya di samping melawat Pusat Pemulihan Narkotik Melaka (PUSPEN) dan Penjara Sungai Udang berikutan lokasi terbabit telah melaksanakan program komposting. Lawatan ini diadakan sebagai langkah penambahbaikan kepada program yang telah dilaksanakan oleh agensi terbabit.

ROADTOUR KITAR SEMULA 1 MALAYSIA BERSAMA RTM

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah mengadakan program Roadtour Kitar Semula 1 Malaysia Bersama RTM bermula pada 18 sehingga 24 Disember 2011. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena dengan sambutan Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan. Roadtour ini akan menjelajah seluruh Malaysia melibatkan Sembilan negeri seperti Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis dan Kuala Lumpur dan berakhir pada 24 Disember 2011. Majlis pelepasan ini turut akan diiringi oleh seramai 150 orang pasukan berbasikal. Program ini bertujuan untuk mewarwarkan kepada masyarakat berkenaan fungsi dan peranan penubuhan Perbadanan serta Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2011. Selain mempromosikan Perbadanan, program ini turut menjalankan aktiviti kitar semula di mana terdapat beberapa lokasi terpilih di setiap negeri. Pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan kepada lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai. Seramai 50 orang anggota termasuk pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan pihak syarikat konsesi terlibat dalam mempromosikan program ini.



AKTIVITI BOMBA

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PERKHIDMATAN 30 TAHUN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Putrajaya 20 September 2011

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia buat pertama kalinya telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan 30 tahun kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun. Sijil tersebut diberikan sebagai tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah memberikan khidmat bakti cemerlang khususnya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kerajaan Malaysia amnya.

Majlis penyampaian sijil tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Bulan September 2011.

Selain daripada kedua-dua majlis tersebut juga diadakan Sambutan Hari Raya peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dihoskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut menghadiri majlis yang diadakan ialah YB Datuk Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Datuk Ahmad bin Hj. Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Dato' Yeo Heng Hau, TKSU (Dasar) KPKT, YBhg Datin Noriah binti Hashim, TKSU (Pengurusan) KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ketua-Ketua Jabatan KPKT, Setiausaha-Setiausaha Bahagian KPKT, Pengurusan Tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pegawai dan kakitangan KPKT, Pegawai dan Kakitangan JBPM, Dif-dif jemputan serta komuniti sekitar Putrajaya.



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS SIJIL SAINS KEBOMBAAN TAHUN 2011

11 September 2011 – Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu.

Seramai 124 pelatih telah berjaya menamatkan Kursus Sijil Sains Kebombaan Siri 1/2011 dan Siri 2/2011. Majlis tamat latihan tersebut telah dirasmikan oleh YS Dato' Rusmani bin Mohamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang mewakili Ketua Pengarah JBPM. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YS PKPJB Hj. Zurkarnain bin Mohd Kassim, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan JBPM, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, pegawai-pegawai kanan jabatan, dif-dif jemputan dan para jemputan yang terdiri daripada ibu bapa pelatih dan masyarakat setempat. Pada kali ini 124 orang pelatih yang telah berjaya menamatkan latihan terdiri daripada 93 orang pegawai bomba JBPM, 25 orang pegawai bomba North Port Malaysia Bhd dan 6 orang pegawai bomba Kuantan Port Consortium Sdn Bhd.

Dalam ucapannya YS Dato' Rusmani bin Mohamad telah menyeru kepada semua para pelatih agar sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan kebombaan dan penyelamatan selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Beliau turut menyarankan kepada semua pelatih supaya sentiasa mengekalkan prestasi cemerlang disamping beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang unggul, cekap dan berkesan kepada masyarakat dan pelanggan jabatan. Imej yang positif mengenai jabatan juga perlu sentiasa dipertingkatkan melalui layanan mesra supaya jabatan sentiasa dipandang tinggi dan kekal relevan dipandangan masyarakat.

Anugerah pelatih terbaik telah diberikan kepada para pelatih yang telah menunjukkan prestasi cemerlang semasa menjalani latihan selama 6 bulan di akademi mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu Pelatih Teori Terbaik, Pelatih Praktikal Terbaik dan Pelatih Keseluruhan Terbaik.



PENYERAHAN KENDERAAN BOMBA SUKARELA KEPADA PASUKAN BOMBA SUKARELA KILANG TEBU, ALOR SETAR, KEDAH

23 Oktober 2011 - Jalan Kilang Tebu, Alor Setar, Kedah

Majlis penyerahan kenderaan bomba sukarela kepada pasukan Bomba Sukarela Kilang Tebu telah diadakan pada 23 Oktober 2011 bertempat di Balai Bomba Sukarela, Jalan Kilang Tebu, Alor Setar, Kedah. Penyerahan kenderaan tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir

dimajlis tersebut ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPJB Ahmad bin Shahabudin, Pengarah JBPM Negeri Kedah, YBhg. Encik R.J Naidu, Presiden Rotary Club of Alor Setar Kedah, Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Kilang Tebu, Wakil MCA Negeri, pegawai kanan jabatan, ahli Kelab Rotary Club of Alor Setar Kedah serta pemimpin dan penduduk setempat.



KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Miri, Limbang dan Lawas, Sarawak serta Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam 16 hingga 19 November 2011

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam pada 17 hingga 18 November 2011. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM telah mengetuai rombongan tersebut yang turut disertai oleh PPJB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat, PKPJB Nor Hisham bin Mohamad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak serta dua orang pegawai kanan JBPM.

Sebelum itu pada 16 November 2011 YAS Ketua Pengarah JBPM serta rombongannya telah mengadakan lawatan kerja ke Balai Bomba dan Penyelamat Lopeng serta Balai Bomba dan Penyelamat Miri, Sarawak.

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah disambut oleh Yang Mulia Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman, Pengarah Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam di Ibu Pejabat, Bomba dan Penyelamat Brunei Darussalam pada 17 November 2011. Lawatan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kehormat yang terdiri daripada 54 orang pegawai dan anggota lain-lain

Pemberian jentera ini disumbangkan oleh Rotary Club of Alor Setar, Kedah dengan kerjasama Kelab Rotary Jepun untuk digunakan bagi tujuan operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan demi menjamin keselamatan masyarakat daripada segala bencana. Tujuan penubuhan pasukan bomba sukarela adalah menggalakkan penduduk setempat untuk mengambil tindakan awal jika berlaku kebakaran sebelum ketibaan pasukan bomba dan penyelamat. Selain daripada itu pasukan bomba sukarela ini juga akan membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam usaha menjaga pili bomba yang terdapat dikawasan tersebut.

Di majlis tersebut juga ahli Pasukan Bomba Sukarela Kilang Tebu telah mengadakan demonstrasi operasi pemadaman kebakaran dengan menggunakan kenderaan yang telah disumbangkan.



pangkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam. Perbincangan dua hala yang diadakan oleh kedua-dua belah pihak menyentuh mengenai hubungan dan kerjasama yang perlu dipertingkatkan berkaitan pengoperasian pemadaman kebakaran dan penyelamatan merentasi sempadan dan lain-lain bentuk kerjasama seperti penyiasatan kebakaran, latihan dan lain-lain.

Pada sebelah petang, rombongan daripada JBPM turut mengadakan kunjungan hormat ke Pemangku Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam serta lawatan ke Balai Bomba Unit Operasi Wanita dan lawatan ke Balai Bomba Laut. Kunjungan hormat Negara Brunei Darussalam diakhiri dengan lawatan ke Balai Bomba Pengkalan Batu pada 18 November 2011.

YAS Ketua Pengarah JBPM meneruskan lawatan kerja ke Balai Bomba dan Penyelamat Limbang, Sarawak pada sebelah petangnya dan mengakhiri program ke Borneo dengan lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Lawas, Sarawak pada 19 November 2011.

JOM! KITAR SEMULA

Pada masa kini, kadar kitar semula di Malaysia ialah pada kadar 5%. Kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti negara Jerman (74 %), Belgium (71 %), Austria (67 %) dan Belanda (66 %). Sasaran kadar kitar semula di Malaysia pada kadar 22 % menjelang tahun 2020. Bagi memastikan program kitar semula mencapai matlamat yang telah ditetapkan maka pengurusan sisa pepejal yang menekankan konsep dan amalan 3R perlu dilaksanakan dengan berkesan. **REDUCE (PENGURANGAN), REUSE (PENGUNAAN SEMULA), RECYCLE (KITAR SEMULA)**



PENGURANGAN

Mengurangkan dan mengelakkan daripada membeli barang yang tidak diperlukan.

KAEDAH PENGURANGAN :

- Kurangkan penggunaan beg plastik.
- Beli pembersih rumah serba guna
- Beli barang yang boleh digunakan semula seperti botol kaca
- Jual atau derma barang-barang yang tidak diperlukan
- Mengurangkan pembelian produk yang mengandungi bahan-bahan berbahaya
- Sebolehnya beli barang yang tidak bertoksik

PENGUNAAN SEMULA

Mempelbagaikan penggunaan bahan dalam mengekalkan bentuk asalnya atau sebagai alternatif dengan atau tanpa perubahan.

KAEDAH PENGUNAAN SEMULA :

- Beg plastik boleh digunakan semula sebagai beg untuk membuang sampah
- Beg kertas berguna sebagai kertas pembalut
- Botol kaca boleh digunakan semula sebagai bekas makanan
- Surat khabar, kertas kadkod dan pembalut beg udara (bubble wrap) boleh digunakan untuk membungkus barang – barang apabila berpindah rumah atau untuk menyimpan barang – barang yang mudah pecah.
- Pakaian lama boleh dijadikan bahan tekstil lain seperti alas kusyen

KITAR SEMULA

Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan yang baru.

LANGKAH-LANGKAH KITAR SEMULA:

- **ASINGKAN**
Asingkan sampah anda. Hanya buang barangan yang tidak boleh kitar semula.
- **BERSIH & KERINGKAN**
Pastikan tiada kesan makanan atau kotoran.
- **KUMPUL DAN SIMPAN**
Kumpul dan simpan dalam kotak atau beg berasingan ditempat yang kering.
- **TUKARKAN**
Bawa ke pusat kitar semula dan tukarkan dengan insentif

ADUAN

Sampah . Longkang . Rumput

1-800-88-7472



PERBADANAN PENGURUSAN SISA
PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM



'PERKHIDMATAN BERKUALITI, CEPAT DAN TELUS'

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari

<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my